

Tiada pilihan lain untuk maju →

20 001 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia tidak ada pilihan lain selain memasuki bidang perindustrian secara bersungguhsungguh kerana hanya sektor itu yang boleh menggalakkan negara terus maju, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, bidang itu mampu menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi dan mewujudkan kekayaan yang boleh mengimbangi pencapaian antara Bumiputera dan bukan Bumiputera serta di antara Malaysia dan negara lain, lebih-lebih lagi kerana negara mampu berbuat demikian.

Katanya, walaupun bidang pertanian adalah kegiatan ekonomi yang penting, ia tidak mungkin dapat mewujudkan peluang pekerjaan bagi puluhan ribu lulusan sekolah dan institusi pengajian tinggi setiap tahun, lebih-lebih lagi berikutan penggunaan jentera dan teknologi moden yang mengurangkan lagi penggunaan tenaga manusia.

Bellau berkata, hasrat kerajaan menceburi bidang itu bukan semata-mata untuk mendapat pendapatan yang lebih supaya kehidupan rakyat lebih mewah dan ingin bermegah-bahawa Malaysia kini setaraf dengan maju.

"Hasrat kita ialah supaya negara dan masyarakat kita dihormati, disegani dan diterima setaraf dengan mereka yang sudah maju. Hasrat kita ialah supaya kita tidak perlu bergantung pada sesiapa.

Etika

"Hasrat kita supaya kita tidak perlu mengikut telunjuk orang dan kesimpulannya, kita berhasrat untuk bebas daripada penggantungan negara lain dalam segala-galanya," katanya ketika menyampaikan ucapan dasarnya.

Untuk mencapai hasrat itu, katanya, rakyat negara ini perlu meningkatkan pengetahuan dalam semua bidang dan pengetahuan yang dimaksudkan bukan setakat memperoleh ijazah, tetapi kemampuan mencipta, mereka bentuk dan membuat barangan buatan yang bermutu dan moden menggunakan segala jenis bahan mentah semula jadi dan tiruan.

"Rakyat negara ini juga mesti meningkatkan keupayaan menggunakan komponen elektronik dan laser dalam barangan buatan dan ciptaan mereka serta berpengetahuan dan cekap di bidang pengurusan perniagaan."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat juga perlu menghayati nilai hidup dan etika kerja yang mulia supaya Malaysia terkenal bukan sahaja kerana kecekapan, tetapi juga kerana kejujuran dan tidak mungkir janji.